



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H)

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 1.1. Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].
- 1.2. Mematuhi syarat **modal berbayar** diterbitkan sebanyak **minima RM200,000.00**.
- 1.3. Akaun bank syarikat hanya ditandatangani oleh pemegang saham dan pengarah syarikat sahaja atau mana-mana individu yang dilantik oleh syarikat secara rasmi.
- 1.4. Pemegang Saham hendaklah 100% warganegara Malaysia (Bumiputera atau Bukan Bumiputera) atau entiti pemilikan Malaysia.
- 1.5. Pemegang Saham tidak mempunyai kepentingan (ekuiti saham) dalam mana-mana syarikat MM2H lain yang berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].
- 1.6. Pemegang saham individu/syarikat asing/ekuiti asing tidak dibenarkan memohon. Warganegara asing hanya dibenarkan untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah dengan kelulusan daripada pihak berkuasa dan bukan merupakan peserta Program MM2H.
- 1.7. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah minimum 51% terdiri daripada warganegara Malaysia.
- 1.8. Syarikat perlu menggaji sekurang-kurangnya minimum 51% warganegara Malaysia di peringkat pengurusan dan profesional.
- 1.9. Nama syarikat hendaklah memasukkan perkataan (MM2H) dalam pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Contoh: ABC (MM2H) Sdn. Bhd.

- 1.10. *Nature of Business* di dalam e-Info SSM hendaklah menyatakan perniagaan yang dijalankan berkaitan dengan (MM2H) atau konsultansi. (*To carry business in MM2H programme/ consultancy*).
- 1.11. Syarikat induk atau cawangan hanya boleh beroperasi di kawasan bandar sahaja iaitu berada di kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran.
- 1.12. Keluasan minimum saiz premis untuk ibu pejabat dan cawangan adalah 100 kaki persegi.
- 1.13. Syarikat hendaklah mendaftar dengan Kementerian mana-mana entiti perniagaan/perseorangan asing yang berurusan bagi pihak syarikat di luar negara bagi tujuan promosi/pengambilan peserta MM2H.
- 1.14. Syarikat hendaklah memberitahu Pesuruhjaya mengenai apa-apa kontrak yang dibuat dengan mana-mana entiti perniagaan/perseorangan asing dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kontrak itu dan hendaklah memberi kepada Pesuruhjaya apa-apa butir mengenai kontrak itu sebagaimana yang dikehendaknya. Butiran kontrak tersebut seperti di **Lampiran A**.
- 1.15. Syarikat pengendali MM2H boleh mengenakan caj perkhidmatan kepada peserta MM2H pada kadar yang selaras dengan penetapan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] seperti yang berikut:
 - (a) **RM70,000.00 bagi peserta MM2H kategori Platinum;**
 - (b) **RM55,000.00 bagi peserta MM2H kategori Gold;**
 - (c) **RM40,000.00 bagi peserta MM2H kategori Silver; dan**
 - (d) **RM40,000.00 bagi peserta MM2H kategori Zon Ekonomi/ Kewangan Khas.**
- 1.16. Berhubung dengan caj perkhidmatan Syarikat pengendali MM2H, pengambilan deposit maksimum sebanyak **20% dari nilai keseluruhan caj perkhidmatan** itu adalah dibenarkan sebagai pendahuluan dan baki bayaran selebihnya boleh dibuat selepas permohonan sebagai peserta MM2H berjaya serta pas/dokumen telah dicetak.
- 1.17. Syarikat dikehendaki memberikan Pesuruhjaya suatu Jaminan Bank sebanyak **RM200,000.00** mengikut format seperti di **Lampiran B** bagi maksud pampasan, bayaran balik atau perlindungan kepada peserta MM2H (**diserahkan selepas pemeriksaan premis**).
- 1.18. Berhubung dengan perenggan 1.17 di atas, Kerajaan berhak untuk membuat penolakan atau rampasan terhadap Jaminan Bank yang diberikan oleh Syarikat, sekiranya Syarikat didapati:

- (a) mengenakan caj perkhidmatan yang tidak mematuhi kadar yang dinyatakan di perenggan 1.15; dan/atau
 - (b) mengambil deposit yang melebihi peratusan maksimum yang dinyatakan di perenggan 1.16.
- 1.19. Syarikat dikehendaki menyediakan terma dan syarat seragam perjanjian untuk peserta MM2H yang dikendalikan olehnya mengikut format seperti di **Lampiran C**.
- 1.20. Bebas daripada kompaun di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan) dan tuntutan “award” tertunggak dalam sektor pelancongan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).
- 1.21. Pihak syarikat bertanggungjawab melaksanakan dengan sebaiknya semua perkhidmatan yang berkaitan dengan peserta MM2H seperti di **Lampiran D**. Kegagalan pihak syarikat melaksanakan tanggungjawab seperti di **Lampiran D** akan dianggap sebagai ketidakpatuhan syarat lesen dan boleh diambil tindakan.

2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

- 2.1. Salinan berwarna MyKad (Warganegara Malaysia) bagi semua pemegang saham dan Ahli Lembaga Pengarah.
- 2.2. Surat Aku Janji daripada Pengarah Syarikat, Borang BA/2 seperti di **Lampiran E**.
- 2.3. Surat pengesahan pendaftaran PERKESO bagi syarikat sepertimana ketetapan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi keperluan berkanun dan mencarum dengan PERKESO.
- 2.4. Maklumat perbankan:
- (a) Muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon; dan
 - (b) *Director Resolution* yang menunjukkan nama bagi individu diberi kuasa menguruskan akaun bank syarikat.
- 2.5. Salinan berwarna Pasport (Bukan Warganegara Malaysia) bagi Ahli Lembaga Pengarah (jika berkaitan).
- 2.6. Salinan Pas Penggajian individu asing yang dikeluarkan untuk syarikat sekiranya terdapat ahli lembaga pengarah warga asing serta masih sah dan berkuatkuasa (jika berkaitan).

- 2.7. Sesalinan Jaminan Bank sebanyak **RM200,000.00** mengikut format seperti di **Lampiran B** bagi maksud pampasan, bayaran balik atau perlindungan kepada peserta MM2H.
- 2.8. Terma Rujukan Syarikat Bagi Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H) (*Do's and Don'ts Form*) seperti di **Lampiran F**.
- 2.9. Sesalinan templat terma dan syarat seragam perjanjian untuk peserta MM2H yang dikendalikan oleh syarikat.
- 2.10. Sesalinan templat kontrak yang dibuat dengan mana-mana entiti perniagaan/perseorangan asing.

3. TATACARA PERMOHONAN:

- 3.1. Melengkapkan maklumat permohonan dalam **Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST)** melalui laman sesawang **www.tourlist.gov.my**.
- 3.2. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuat naik ke dalam sistem **TOURLIST**.

4. FI PEMROSESAN:

- 4.1 Pembayaran secara atas talian sebanyak **RM100.00** bagi setiap permohonan di sistem **TOURLIST**.

5. KEPUTUSAN PERMOHONAN:

- 5.1 Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui sistem **TOURLIST**.

6. SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

- 6.1 **Bagi permohonan yang telah DIPERTIMBANGKAN**, pemohon perlu menyediakan premis perniagaan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:
 - (a) Keperluan keluasan premis minima 100 kaki persegi bagi ibu pejabat dan cawangan;
 - (b) Premis operasi adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap; dan
 - (c) Lokasi/kawasan komersial yang dilesenkan ATAU dibenarkan oleh PBT di kawasan bandar sahaja (Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran).

Nota: Kelulusan sementara yang dikeluarkan adalah terpakai bagi tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh surat pemakluman. Kegagalan

pemohon dalam menyediakan premis serta melengkapkan dokumen sokongan di atas akan menyebabkan kelulusan terbatal dan permohonan baharu hendaklah dikemukakan.

- 6.2 Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis iaitu :
- (a) Salinan perjanjian penyewaan premis (*Tenancy Agreement*) yang ditandatangani oleh pemilik syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa atau salinan *Sales & Purchase* (S&P) jika premis adalah milik syarikat, surat kebenaran atau sewaan yang dikeluarkan oleh PBT;
 - (b) Lakaran pelan lantai;
 - (c) Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis; dan
 - (d) Mempunyai papan tanda perniagaan bersifat kekal di luar premis (mengikut kesesuaian dan kelulusan PBT/ pemilik bangunan).
- 6.3 Pemeriksaan premis oleh Pejabat MOTAC Negeri adalah dalam tempoh 30 hari bekerja.
- 6.4 Mengemukakan salinan Sijil *Travel and Tour Management Course* (TTMC) yang masih sah laku sekurang-kurangnya setahun daripada tarikh menghadiri kursus.
- 6.5 Sekurang-kurangnya seorang wakil syarikat telah menghadiri kursus TTMC yang dianjurkan oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen. Wakil syarikat adalah seperti berikut:
- (a) Ahli Lembaga Pengarah; atau
 - (b) Kakitangan yang terlibat dalam Pengurusan syarikat. (Contohnya Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi/ Pengurus Besar, wakil pengurusan syarikat yang dilantik oleh syarikat dan sebagainya).
- 6.6 Menjelaskan fi lesen:
Setelah menerima pemakluman pemeriksaan premis dan telah memenuhi semua syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian secara atas talian menerusi sistem **TOURLIST**.
- 6.7 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:**
Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara atas talian melalui sistem **TOURLIST** atau **secara manual ke UNIT TOBTAB** dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja, keputusan rayuan adalah muktamad.

7. PIAGAM PELANGGAN:

7.1 Pemakluman keputusan permohonan dengan bersyarat:

5 hari bekerja dari tarikh dokumen Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen diperakukan.

7.2 Cetakan lesen:

Lesen boleh dicetak melalui sistem **TOURLIST** dan setelah pembayaran fi lesen dilakukan.

8. PERINGATAN:

8.1 Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen/mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuas hati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

9. FI LESEN:

BIL.	BIDANG	FI LESEN	FI LESEN TAMBAHAN
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H)	RM2,500.00 setahun	RM1,500.00 setahun

Nota: Tertakluk kepada akta dan peraturan berkaitan yang berkuatkuasa

10. TARIKH KUAT KUASA:

10.1 Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2024.

**KONTRAK PERJANJIAN DI ANTARA SYARIKAT PERNIAGAAN
PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H) DENGAN
PENGENDALI PELANCONGAN ATAU AGENSI PENGEMBARAAN ASING**

Butiran–butiran utama yang perlu ada dalam kontrak perjanjian tersebut adalah:

- (a) Nama, alamat (seperti di dalam lesen), pengarah urusan, nombor untuk dihubungi dan tanggungjawab syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H);
- (b) Nama, alamat (seperti di dalam lesen), pengarah urusan, nombor untuk dihubungi dan tanggungjawab entiti perniagaan/perseorangan asing yang berurusan bagi pihak syarikat di luar negara bagi tujuan promosi/pengambilan peserta MM2H;
- (c) Saksi kontrak perjanjian;
- (d) Tarikh dan tempoh perjanjian;
- (e) Kemungkinan pertukaran alamat (seperti di dalam lesen) dan pengarah urusan, nombor untuk dihubungi;
- (f) Liabiliti pihak–pihak terlibat; dan
- (g) Lain–lain perkara yang difikirkan wajar dan perlu selaras dengan Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

CONTOH TEMPLAT JAMINAN BANK

Tuan,

JAMINAN BANK SEBANYAK **RM200,000.00** UNTUK PERNIAGAAN
PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H)

Jaminan ini dibuat pada _____ (tarikh) antara
_____ (Nama Bank) yang beralamat
_____ (Alamat

Bank) (selepas ini disebut "Penjamin") pada satu pihak dengan kerajaan Malaysia
(selepas ini disebut "Prinsipal") pada satu pihak lagi menurut subseksyen 16(3) Akta
Industri Pelancongan 1992.

BAHAWASANYA PENJAMIN DENGAN INI BERJANJI DENGAN PRINSIPAL
SEPERTI BERIKUT:

- Penjamin bersetuju untuk memberi Prinsipal jaminan sebanyak RM200,000.00 sahaja bagi pihak _____ (Nama Syarikat Pengendali MM2H) telah diberi lesen oleh Pesuruhjaya Pelancongan untuk menjalankan **perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H)**.
- Penjamin berjanji dan bersetuju untuk membayar kepada Prinsipal apa-apa tuntutan yang dibuat oleh Prinsipal yang amaunnya tidak melebihi RM200,000.00 apabila diterima tuntutan bertulis daripada Prinsipal yang menyatakan amaun yang diperakui sebagai pampasan bagi apa-apa keengganan untuk menuruti atau ketidakpatuhan mana-mana terma dan syarat perjanjian antara syarikat pengendali MM2H dengan peserta MM2H oleh pengendalian MM2H tersebut.
- Notis bertulis mengenai apa-apa tuntutan mengenai keengganan atau ketidakpatuhan pihak pengendali MM2H itu akan dibuat oleh Pesuruhjaya Pelancongan kepada Penjamin, dan apabila diterimanya notis itu, Penjamin akan dalam masa empat belas (14) hari selepas itu membayar kepada Pesuruhjaya

amaun yang dituntut menurut Jaminan ini sebagai pampasan bagi peserta MM2H yang berkenan.

- Jaminan ini adalah deposit yang berterusan yang tidak boleh ditamatkan. Deposit ini berkuat kuasa mulai _____ hingga _____ dan hendaklah diperbaharui tiap-tiap tahun sehingga pengendali MM2H tidak lagi mengendalikan perniagaan seperti yang dilesenkan. Penjamin hendaklah memulangkan jaminan bank ini kepada pengendali MM2H itu selepas tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan notis penghentian pengendalian oleh Penjamin, dan selepas segala tuntutan dan liabiliti atas jaminan itu telah ditunaikan sepenuhnya dan semua tanggungjawab di bawahnya dibatalkan atau disifatkan telah dibatalkan.

Ditandatangani pada hari _____ bulan _____ tahun _____.

Ditandatangani untuk dan bagi
pihak Penjamin di hadapan:

.....

Nama :

Jawatan :

Cop Bank :

Nama :

Jawatan :

Cop Bank :

Ditandatangani untuk dan bagi
pihak Penjamin di hadapan:

.....

Nama :

Jawatan :

Nama :

Jawatan :

**TERMA DAN SYARAT SERAGAM PERJANJIAN UNTUK DI ANTARA SYARIKAT
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H)
DENGAN PESERTA MM2H YANG DIKENDALIKAN OLEHNYA**

Butiran-butiran terma dan syarat yang perlu ada dalam perjanjian tersebut adalah:

- (a) jumlah deposit yang diambil daripada peserta MM2H tidak melebihi 20%;
- (b) tiada caj perkhidmatan tersembunyi yang dikenakan;
- (c) menyatakan perkhidmatan dan perkhidmatan tambahan yang disediakan kepada peserta MM2H;
- (d) bayaran balik kepada perkhidmatan yang tidak dijalankan;
- (e) tanggungjawab syarikat MM2H terhadap peserta MM2H; dan
- (f) lain-lain syarat yang boleh dimasukkan tetapi tidak bercanggah dengan semua perkara di atas dan Akta 482.

**PERKHIDMATAN AGEN DI BAWAH PROGRAM
MALAYSIA MY SECOND HOME (MM2H)**

Jenis-jenis perkhidmatan asas:

1. Fi permohonan;
2. Pemeriksaan kesihatan;
3. Insurans Perubatan;
4. Fi Visa MM2H;
5. Fi MEV;
6. Fi Visa *Journey Performed* (JP);
7. Perkhidmatan terjemahan (jika berkaitan);
8. Bon Keselamatan.

Perkhidmatan tambahan:

1. Perkhidmatan menjemput dari lapangan terbang dan menyediakan penginapan setiap kali peserta tiba di Malaysia bagi urusan MM2H;
2. Perkhidmatan menghantar dan menjemput peserta bagi urusan-urusan di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berkaitan MM2H sahaja dan Jabatan Imigresen Malaysia (sekiranya perlu);
3. Permohonan pembantu rumah (negara asal);
4. Permohonan pengesahan (*endorsement*) dan pelanjutan Pas MM2H serta pembaharuan program MM2H.
5. Perkhidmatan-perkhidmatan lain berkaitan program MM2H.

(*Nota : tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan dari masa ke semasa oleh OSC MM2H)

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya
No. Kad Pengenalan.....Jawatan.....
bagi pihak syarikat.....
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham / Nama Syarikat / Lokasi / Modal Bebayar TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (e) tiada sebarang tunggakan “*award*” di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- (f) tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- (g) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga / Pemegang Saham / Pengurus syarikat yang dilantik sahaja;
- (h) akan memastikan pengurusan aduan syarikat diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh aduan dilaporkan;
- (i) akan mematuhi peraturan dan kriteria yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan. Sekiranya didapati terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada peraturan dan kriteria tersebut, syarikat bersetuju untuk dikenakan tindakan pembatalan / penggantungan lesen;
- (j) saya/kami tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi segala urusan yang berkaitan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen MM2H bagi memastikan kepentingan Kementerian dan pemegang taruh terpelihara;

Borang BA/2

- (k) saya/kami tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keputusan, ketelusan dan keadilan dalam mana-mana proses MM2H ini;
- (l) sekiranya ada sebarang percubaan daripada mana-mana pihak, saya/kami akan melaporkan dengan seberapa segera kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa yang berkaitan. Saya/Kami sedar bahawa kegagalan berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan
- (m) saya/kami faham bahawa segala maklumat rasmi yang diperolehi dalam urusan MM2H ini, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi dengan kerajaan Malaysia.

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta 482 atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi
Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

**TERMA RUJUKAN SYARIKAT BAGI PERNIAGAAN PENGENDALIAN
PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H)
(DO'S AND DON'TS FORM)**

Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

1. Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].
2. Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan sebanyak minima RM200,000.00.
3. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah minimum 51% terdiri daripada warganegara Malaysia.
4. Syarikat perlu menggaji sekurang-kurangnya minimum 51% warganegara Malaysia di peringkat pengurusan dan profesional.
5. Syarikat induk atau cawangan hanya boleh beroperasi di kawasan bandar sahaja iaitu berada di kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran.
6. Keluasan minimum saiz premis untuk ibu pejabat dan cawangan adalah 100 kaki persegi.
7. Syarikat hendaklah memberitahu Pesuruhjaya mengenai apa-apa kontrak yang dibuat dengan mana-mana entiti perniagaan / perseorangan asing.
8. Syarikat hendaklah mendaftar dengan Kementerian mana-mana entiti perniagaan/ perseorangan asing yang berurusan bagi pihak syarikat di luar negara bagi tujuan promosi/pengambilan peserta MM2H.
9. Syarikat pengendali MM2H hanya boleh mengenakan caj perkhidmatan kepada peserta MM2H pada kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan.
10. Syarikat pengendali MM2H hanya dibenarkan untuk mengenakan atau pengambilan deposit maksimum sebanyak 20% dari nilai keseluruhan caj perkhidmatan.
11. Syarikat dikehendaki memberikan Pesuruhjaya Pelancongan suatu Jaminan Bank sebanyak RM200,000.00 bagi maksud pampasan, bayaran balik atau perlindungan kepada peserta MM2H.
12. Syarikat dikehendaki menyediakan terma dan syarat seragam perjanjian untuk peserta MM2H yang dikendalikan olehnya.
13. Pihak syarikat bertanggungjawab melaksanakan dengan sebaiknya semua perkhidmatan yang berkaitan dengan peserta MM2H.

Perkara-perkara yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:

1. Syarikat induk atau cawangan tidak dibenarkan beroperasi di luar bandar (berada di kawasan Majlis Daerah) atau lokasi yang tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Syarikat tidak dibenarkan merubah pegangan saham syarikat kepada Bukan Warganegara Malaysia atau entiti Bukan Pemilikan Malaysia.
3. Syarikat tidak dibenarkan mempunyai kepentingan (ekuiti saham) dalam mana-mana syarikat MM2H lain yang berlesen di bawah Akta 482.
4. Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Bukan Warganegara Malaysia mesti mempunyai Pas Penggajian daripada Jabatan Imigresen Malaysia.
5. Syarikat tidak dibenarkan merubah *Nature of Business* di dalam e-Info SSM selain daripada yang dilesenkan oleh MOTAC.
6. Syarikat tidak dibenarkan melantik Peserta Program MM2H sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat.
7. Nilai Jaminan Bank tidak dibenarkan kurang daripada RM200,000.00 pada satu-satu masa.
8. Syarikat tidak dibenarkan mempunyai tunggakan kompaun di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan) dan tuntutan "award" tertunggak dalam sektor pelancongan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).
9. Syarikat tidak dibenarkan mengenakan caj perkhidmatan di luar kadar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
10. Syarikat tidak dibenarkan mengambil deposit yang melebihi peratusan maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan.
11. Syarikat tidak dibenarkan melanggar mana-mana syarat lesen.

Sesungguhnya bahawa saya mewakili syarikat faham akan perkara di atas dan sekiranya syarikat tidak akur kepada perkara di atas, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta 482 atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi
Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :